

Warta **102** Konvo

Edisi 8 September 2025

**GRADUAN UiTM PENGGERAK
PEMBANGUNAN NEGARA**

**GRADUAN UiTM MAMPU
BERPERANAN SEBAGAI AGEN
PERUBAHAN UMMAH**

**DOKTOR HOLISTIK,
AMANAH BESAR BUAT NEGARA**



GRADUAN UiTM MAMPU BERPERANAN SEBAGAI AGEN PERUBAHAN UMMAH



oleh : Amni Harith Badrul Hisyam

Seramai 1,101 graduan dari Fakulti Perubatan, Fakulti Pergigian, Fakulti Farmasi serta Fakulti Sains Kesihatan telah diraikan pada Sidang kelapan Istiadat Konvokesyen Universiti Teknologi MARA (UiTM) ke-102, bukanlah sekadar satu sidang meraikan para graduan, tetapi lebih kepada menghargai peranan mereka sebagai agen perubahan ummah yang berguna untuk masa hadapan.

Pro-Canselor, Profesor Emeritus Dato' Dr. Hassan Said menyatakan rasa syukur di atas kejayaan para graduan yang diraikan.

“Syabas dan tahniah diucapkan kepada para graduan yang telah menamatkan pengajian. Pengorbanan, ketekunan dan iltizam tinggi yang kalian wujudkan selama ini tidaklah di anggap sia-sia kerana ia akhirnya membuahkan satu hasil yang bermakna”, ujarnya.

Beliau juga berkata UiTM sentiasa komited dengan pelbagai jalinan kerjasama dijalinan bersama rakan tempatan dan antarabangsa antaranya Solventum Malaysia, Malaysian-American Commission on Educational Exchange, Alpro Pharmacy, Universitas Airlangga di Indonesia, dan Alexandria University di Mesir, dan usaha ini bertujuan demi melahirkan graduan yang berkualiti.

“Pihak Pengurusan UiTM sentiasa komited dalam melahirkan graduan yang berkualiti dan relevan dengan kehendak global. Dalam konteks ini, universiti memberi tumpuan kepada pembangunan akademik, kemahiran profesional serta pembentukan graduan yang holistik dan kalis masa depan.”

Prof Emeritus Dato' Dr Hassan Said juga menekankan bahawa pentingnya untuk pelajar mempunyai keseimbangan di dalam diri bukan sahaja pada sudut akademik, malah di sudut kemahiran insaniahnya juga.

“Era globalisasi ini penuh dengan cabaran yang menuntut seseorang itu menjadi lebih fleksibel, kreatif dan berdaya inovatif, tidak dinafikan perkembangan teknologi memainkan peranan besar di samping seseorang itu sendiri akan memperolehi hasil yang terbaik melalui kemahiran, kebijaksanaan dan nilai insaniah yang terlatih dalam diri seseorang manusia itu”, katanya.

Pro-Canselor Universiti Teknologi MARA, UiTM
Profesor Emeritus Dato' Dr. Hassan Said



**SIDANG REDAKSI
JAWATANKUASA WARTA KONVO 102**

*Hak cipta terpelihara. Diterbitkan oleh
Pejabat Komunikasi Strategik, UiTM
Dan Fakulti Komunikasi Dan Pengajian
Media UiTM*

Penasihat
Prof. Dr Ismie Roha Mohamed Jais,
Penolong Naib Canselor Komunikasi Strategik

Penasihat Editorial
En Abuzar Abdul Halim,
Ketua unit Perhubungan Awam dan Media

Ketua Editor
En Ahmad Faisal Mohamed Fiah,
Timbalan Dekan (HEP) Fakulti Komunikasi
dan Pengajian Media

Ketua Wartawan
Zaidatul Insyirah binti Suhaini

Wartawan
Aidil Adha bin Abdullah
Amni Harith bin Badrul Hisyam

Pereka Grafik
Muhammad Sahil bin Sulaiman
Ezureen Natasya binti Kahar Jaafar

Fotografi
Pejabat Komunikasi Strategik

Unit Perhubungan Awam dan Media
Pejabat Komunikasi Strategik